

**PELAKSANAAN AUDIT DALAM DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
UAD 1/2014**

**ISI KANDUNGAN**

PELAKSANAAN AUDIT DALAM.....	2
Tujuan.....	2
Penubuhan Unit Audit Dalam.....	2
Definisi Dan Objektif Unit Audit Dalam.....	2
Tanggungjawab Dan Bidang Tugas Unit Audit Dalam.....	2
Tanggungjawab Ketua Pengarah.....	3
Peranan Perbendaharaan Malaysia.....	4
Hubung Kait Antara Unit Audit Dalam Dengan Audit Luar.....	4
Keahlian Institut Juruaudit Dalam Malaysia.....	5
Skop Unit Audit Dalam.....	5
Pertanyaan Audit.....	6
Pemeriksaan Dalam.....	6
Penemuan Fraud, Pecah Amanah Dan Kesalahan Jenayah.....	7
Laporan Oleh Juruaudit Dalam.....	7

---

**BAB 1**  
**PELAKSANAAN AUDIT DALAM**

<b>No</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tanggungjawab</b>
1	<b>Tujuan</b>	
	1.1 Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan mengenai peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam, Ketua Pengarah, Jawatankuasa Audit, Lembaga Pengarah dan Perbendaharaan Malaysia serta memberi arahan terhadap pelaksanaan audit dalam.	
2	<b>Penubuhan Unit Audit Dalam</b>	
	2.1 Lembaga hendaklah menubuhkan Unit Audit Dalam yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah. Perancangan dan dapatan audit hendaklah dilaporkan kepada Ketua Pengarah dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit.	
	2.2 Unit Audit Dalam hendaklah dilengkapi bilangan pegawai yang secukupnya bagi membolehkan unit ini melaksanakan tugas pengauditan dalaman dengan berkesan.	
	2.3 Unit Audit Dalam di ketuai oleh Ketua Audit Dalam dan bertanggungjawab secara fungsi kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan secara pentadbiran kepada Ketua Pengarah Lembaga.	
3	<b>Definisi Dan Objektif Unit Audit Dalam</b>	
	3.1 Audit dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi.	
	3.2 Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.	
4	<b>Tanggungjawab Dan Bidang Tugas Unit Audit Dalam</b>	
	4.1 Tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah untuk:	
	4.1.1 menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap:	
	a. sistem kewangan; b. kawalan dalaman; dan c. rekod kewangan	

---

No	Perkara	Tanggungjawab
----	---------	---------------

untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

4.1.2 menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

4.2 Bidang tugas Unit Audit Dalam adalah untuk:

- i. mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi;
- ii. mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- iii. mengkaji aktiviti organisasi supaya diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan;
- iv. mengkaji aset dan kepentingan organisasi supaya dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- v. memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;
- vi. melaporkan kepada Ketua Pengarah hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;
- vii. menyediakan Rancangan Tahunan untuk kelulusan Jawatankuasa Audit; dan
- viii. membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

## 5 **Tanggungjawab Ketua Pengarah**

5.1 Ketua Pengarah bertanggungjawab mengawasi Unit Audit Dalam dengan:

- a. memastikan Unit Audit Dalam tidak terlibat dalam sebarang operasi organisasi dan bebas daripada pengaruh
-

No	Perkara	Tanggungjawab
	<p>pegawai yang bertanggungjawab secara langsung terhadap operasi organisasi;</p> <p>b. memastikan Unit Audit Dalam diberi kebebasan untuk memeriksa semua dokumen berkaitan dengan aktiviti organisasi bagi tujuan pengauditan;</p> <p>c. memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/laporan audit dalam;</p> <p>d. melibatkan Unit Audit Dalam dengan mesyuarat-mesyuarat antaranya mesyuarat pengurusan serta mesyuarat berkaitan dengan dasar organisasi; dan</p> <p>e. memastikan anggota Unit Audit Dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.</p>	

## 6 Peranan Perbendaharaan Malaysia

6.1 Perbendaharaan Malaysia ialah Agensi Pusat yang bertanggungjawab bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan audit dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, khususnya dalam perkara seperti berikut:

- a mengeluarkan arahan dasar umum;
- b menyediakan garis panduan pengauditan;
- c memberi nasihat dan bimbingan berkaitan dengan pelaksanaan audit dalam; dan
- d menilai keberkesanan pelaksanaan audit dalam.

6.2 Dalam usaha untuk memantau pelaksanaan audit dalam, Ketua Audit Dalam perlu mengemukakan Rancangan Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit kepada Lembaga. Sehubungan ini, Rancangan Tahunan Audit Dalam hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa.

## 7 Hubung Kait Antara Unit Audit Dalam Dengan Audit Luar

7.1 Pada asasnya, peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah berbeza daripada Jabatan Audit Negara yang berfungsi selaku pihak audit luar. Kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara ditetapkan dalam undang-undang manakala kuasa dan tanggungjawab Unit Audit Dalam dinyatakan secara pentadbiran. Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

No	Perkara	Tanggungjawab
8	<b>Keahlian Institut Juruaudit Dalam Malaysia</b>	
	8.1 Unit Audit Dalam hendaklah menjadi ahli korporat Institut Juruaudit Dalam Malaysia dan yuran keahlian tahunan ditanggung oleh Lembaga.	
9	<b>Skop Unit Audit Dalam</b>	
	9.1 Unit Audit Dalam diberi tanggungjawab menjalankan tugas audit kewangan dan audit pengurusan dengan bidang tugas seperti yang berikut:	
	(a) Mengkaji semula organisasi dalam tempoh tertentu untuk mengetahui sama ada fungsi perancangan, penyeliaan serta pengawalan dasar, arahan dan peraturan pengurusan telah dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik.	
	(b) Memastikan keandalan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi.	
	(c) Mengkaji ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan dan mengenal pasti cara untuk mengukur, mengklasifikasikan dan melaporkan maklumat tersebut.	
	(d) Mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan ia selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi serta menentukan sama ada atau tidak organisasi mematuhi. Jika perlu suatu dasar yang sesuai boleh dicadangkan.	
	(e) Mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut.	
	(f) Menilai manfaat dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenal pasti peluang untuk meningkatkan penggunaan sumber serta mencadangkan cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan.	
	(g) Mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program untuk memastikan sama ada atau tidak hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan dan sama ada atau tidak ia telah dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.	
	(h) Menyelaraskan tugas Unit Audit Dalam dengan Audit Luar.	

---

No	Perkara	Tanggungjawab
(i)	Bersama-sama merancang, mereka bentuk, membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan berasaskan komputer terutamanya dari aspek kawalan.	
(j)	Mengemukakan jadual kerja pengauditan tahunan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan dan kelulusan.	
(k)	Melaporkan kepada pihak pengurusan tentang siapa yang sepatutnya mengambil tindakan terhadap sesuatu teguran audit.	
(l)	Melaporkan tentang pegawai yang didapati melakukan penyelewengan.	
(m)	Menilai semua rancangan dan tindakan yang telah diambil selaras dengan teguran audit yang berkenaannya.	
(n)	Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Audit.	

## 10 Pertanyaan Audit

- 10.1 Semua pegawai mestilah memberikan kerjasama kepada Ketua Unit Audit Dalam dan pegawainya dalam melaksanakan tugas mereka dan menjawab apa-apa pertanyaan
- 10.2 Pihak yang diaudit hendaklah diberikan pertanyaan bertulis sebelum ia dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit. Jawapan berkenaan hendaklah dibentangkan bersama dengan dapatan audit kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa tersebut berhak menolak apa-apa jawapan yang dirasakan tidak munasabah serta mengemukakan saranan yang perlu bagi mengelakkan kesalahan berkenaan daripada berulang.

## 11 Pemeriksaan Dalaman

- 11.1 Tanggungjawab Ketua Audit Dalam atau pegawai audit yang dilantik bagi memeriksa dan melaporkan apa-apa perkara yang tidak memuaskan yang berkaitan dengan akaun atau kewangan Lembaga tidak akan melepaskan seseorang pegawai daripada tanggungjawabnya untuk mematuhi atau memastikan arahan dalam bidang kuasanya sendiri dipatuhi
- 11.2 Ketua Pejabat di samping menjalankan penyeliaan biasa urusan pejabat setiap hari dan pemeriksaan mengejut ke atas wang tunai dan barangan berharga yang dinyatakan dalam arahan yang berikut, hendaklah dari semasa ke semasa menjalankan atau melantik seorang pegawai lain untuk menjalankan pemeriksaan mengejut ke
-

No	Perkara	Tanggungjawab
----	---------	---------------

atas sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan barangan) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi tujuan mengetahui sama ada prosedur yang betul difahami dengan sepatutnya dan sentiasa dipatuhi.

**12 Penemuan Fraud, Pecah Amanah Dan Kesalahan Jenayah**

12.1 Ketua Audit Dalam atau pegawai audit yang dilantik jika pada pengetahuannya sewaktu menjalankan kerja audit, menemui apa-apa kejadian fraud, pecah amanah dan kesalahan jenayah yang lain hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Ketua Pengarah. Ketua Pengarah mestilah mengambil tindakan selaras dengan peraturan tata tertib atau melaporkan kepada pihak berkuasa Polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sesuai dengan jenis kesalahan.

**13 Laporan Oleh Juruaudit Dalam**

13.1 Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tugas Audit Dalam dilaksanakan di Badan Berkanun

13.2 Laporan Unit Audit Dalam hendaklah dibentangkan di mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya setiap tiga (3) bulan. Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan semua pemerhaian Juruaudit Dalam diberi perhatian sewajarnya dan, dimana berkaitan, mengarahkan supaya penyiasatan lanjut dijalankan.

13.3 Unit Audit Dalam hendaklah membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akauan (JPKA)